

10 AUG 1998

SYARIKAT KENDALI IMPORT GAJUS DAN JAGUNG MOZAMBIQUE DIKENAL PASTI

KOTA BAHARU, 10 Ogos (Bernama) -- Kerajaan telah mengenal pasti syarikat yang akan mengendalikan urusan pembelian biji gajus dan jagung dari Mozambique untuk diproses di Malaysia bagi kegunaan dalam negara dan eksport.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA), Abi Asaari Mohamed Nor berkata syarikat tempatan berkenaan akan bekerjasama dengan sebuah syarikat dari negara Afrika itu secepat mungkin, bagi menjayakan perniagaan itu.

"Kita sedang menghubungi Mozambique bagi menentukan dan menetapkan kualiti biji gajus dan jagung yang hendak diimport termasuk jumlah yang diperlukan," katanya selepas merasmikan dewan pusat latihan FAMA Kelantan di sini hari ini.

Khamis lepas Menteri Pertanian Datuk Amar Sulaiman Daud berkata FAMA sedang mengkaji dan menilai potensi jagung dan gajus di Mozambique untuk diproses semula di negara ini bagi kegunaan dalam negara dan dieksport semula dalam bentuk makanan siap.

Langkah itu selaras dengan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta usahawan Malaysia membuat pelaburan jangka panjang di negara berkenaan dalam sektor pertanian, janakuasa, infrastruktur, perlombongan dan penerokaan hutan asli. Perdana Menteri melawat Mozambique penghujung bulan lepas.

Abi Asaari juga berkata satu pelan tindakan akan disediakan untuk menentukan strategi FAMA dan agensi-agensi pertanian lain untuk mengatasi masalah pemasaran hasil pertanian petani.

-- BERNAMA

MNR MAI